

05 MAR 1997

PERSIDANGAN PEMIMPIN MUDA ASIA-EROPAH DI JEPUN ISNIN DEPAN

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Persidangan Pemimpin Muda Asia-Eropah yang pertama akan diadakan di Jepun pada 10 hingga 14 Mac ini bagi mengukuhkan hubungan kerjasama di antara negara-negara terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Mohd Shafie Apdal hari ini berkata persidangan itu ialah hasil keputusan yang dibuat dalam persidangan menteri Asia dan Eropah yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bangkok tahun lalu.

"Seramai 125 peserta daripada 25 negara akan menyertai persidangan itu di Miyazaki, Jepun", katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Mohd Shafie berkata beliau juga akan turut hadir bersama tiga lagi peserta dari Malaysia iaitu Turiman Suandi (Pensyarah Universiti Pertanian Malaysia), Abdul Razak Abdullah Baginda (Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Stratejik Malaysia) dan Wan Liz Ozman Wan Omar (Ketua Penolong Setiausaha Jabatan Pembangunan Usahawan Sarawak).

Beliau berkata antara perkara yang akan dibincangkan nanti ialah kerjasama politik, sosial dan ekonomi di kalangan negara yang menyertainya.

Beliau juga akan mempengerusikan perbincangan kertas kerja mengenai Pembangunan Ekonomi dan Peranan Sektor Swasta di persidangan itu.

Shafie berkata beliau juga akan memberi taklimat mengenai Koridor Raya Multi Media Malaysia pada persidangan itu.--BERNAMA

MS WAT